

# Wujud jawatankuasa selaras kerjasama tingkat produktiviti

**P**enasihat Kehormat Persekutuan Pusat Bertauliah JPK Malaysia (FeMAC), Nordin Abdul Malek, mencadangkan kerajaan memiliki satu dasar yang tetap dan konsisten jika berhasrat melahirkan lebih ramai pekerja berkemahiran tinggi menjelang tahun 2020.

Apa yang berlaku ketika ini kata beliau, sesetengah dasar yang menyentuh keperluan melahirkan pekerja berkemahiran tinggi ada yang berubah-ubah atau bermusim sehingga mengakibatkan pelabur bimbang untuk melabur atau menjalin kerjasama dengan institusi tempatan bagi melatih tenaga kerja di negara ini.

"Adalah perlu kita memiliki dasar bersifat jangka panjang atau tetap. Mengikut pengalaman saya, ada dasar yang dilaksanakan tidak sampai setahun sudah berubah. Kadang-kadang, ada dasar bersifat *ad-hoc*, bermusim atau secara *one off*. Situasi ini boleh mengganggu pelabur untuk melabur atau menjalin kerjasama.

"Mengikut perkiraan saya juga, dasar yang bersifat jangka panjang akan membantu FeMAC menyediakan latihan berkesan kerana institusi ini memerlukan tempoh sekurang-kurangnya lima tahun untuk mendapat pulangan hasil pelaburan," katanya pada program *Bicara BH* bertajuk Kerjasama Awam - Swasta untuk Latihan dalam Bidang Vokasional dan Teknikal yang diadakan di Kuala Lumpur, kelmarin.

Sebagai institusi yang berpengalaman luas dalam menyediakan latihan pekerjaan, Nordin percaya, FeMAC perlu diberi peranan, tanggungjawab dan amanah lebih luas oleh kerajaan untuk membantu melahirkan lebih ramai tenaga kerja berkemahiran tinggi.

## Selaras, tentukan bentuk kerjasama

Setakat ini jelas beliau, tidak ada satu jawatankuasa khas daripada kerajaan yang bertanggungjawab untuk menyelaras atau menentukan bentuk kerjasama yang perlu diadakan antara FeMAC dan agensi atau kementerian berkaitan.

"Apa yang kita mahu ialah kerjasama tulen dengan kerajaan supaya kita dapat meningkatkan produktiviti dan keberkesanan dengan harapan dapat menjimatkan perbelanjaan kerajaan, meningkatkan kecekapan sistem latihan.

"Ia termasuk mengelak berlaku persaingan ketara sehingga merugikan semua pihak. Ini juga yang ditakuti syarikat besar untuk melabur kerana mereka bimbang jika ada kolej kemahiran yang tiba-tiba menamatkan kursus kemahiran ditawarkan," katanya.

Seorang lagi ahli panel forum

itu, Ahli Ekonomi Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Azizah Talib, yang menyentuh isu kebanjiran pekerja asing di negara ini, mencadangkan supaya Malaysia bekerjasama dengan negara pembekal untuk mewujudkan program ujian kebolehpayaan terhadap tenaga kerja mereka.

## Ujian kebolehpayaan atasi kebanjiran pekerja asing

Katanya, sebagai contoh, Filipina mempunyai peraturan mewajibkan warganegaranya yang mahu bekerja di negara asing menduduki ujian kebolehpayaan.

"Jika pekerja ini gagal dalam ujian berkenaan, mereka tidak akan dibenarkan bekerja di negara luar. Saya fikir ini antara perkara yang perlu dilakukan Malaysia iaitu menjalin kerjasama dengan negara yang membekal tenaga kerja ke negara ini.

"Ini antara bentuk pengurusan yang perlu diwujudkan jika mahu mengatasi masalah kebanjiran pekerja asing di negara ini," katanya.

Beliau juga berkata, persepsi dalam kalangan ibu bapa bahawa latihan teknikal dan vokasional (TVET) adalah untuk mereka yang tidak cemerlang dalam bidang akademik menyumbang kepada kurangnya jumlah pelajar berminat untuk meneruskan pengajian dalam bidang ini. "Ini juga disebabkan mereka yang mendapat latihan dalam bidang vokasional dan kemahiran adalah golongan berpendapatan rendah dan usaha perlu dilakukan bagi golongan ini mendapat imbuhan setimpal dengan kemahiran dimiliki kerana definisi digunapakai terhadap pekerja mahir adalah mereka yang memperoleh diploma atau ijazah dari pusat pengajian tinggi, manakala pekerja kurang berkemahiran adalah golongan yang kelulusannya Sijil Pelajaran Malaysia ke atas sementara pekerja tidak berkemahiran adalah lepasan tingkatan tiga ke atas," katanya.

Tanggapan ini perlu diubah katanya. Ibu bapa harus melihat TVET sebagai satu bidang yang se-

makin diperlukan dalam sektor pekerjaan dan pada masa sama, semua pihak juga perlu melihat kepada keperluan untuk mewujudkan kurikulum standard bagi pengajian dalam TVET disebabkan kandungan pelajaran yang ada pada masa ini dilihat tidak standard kerana metodologi digunakan tidak mencukupi terutama dalam bidang kemahiran yang lebih besar.

## Iktiraf kelayakan

Azizah berkata, untuk menjadikan bidang ini mendapat perhatian dalam kalangan ibu bapa, kelayakan yang diberikan institusi berkaitan TVET kepada pelatuhnya harus diiktiraf selayaknya.

Kesimpulan daripada apa yang diperkatakan Azizah, ibu bapa seharusnya mengubah pandangan dan memberikan pilihan kepada anak mereka untuk terbabit dalam TVET dan tidak semestinya yang kurang dari segi akademik menceburi sektor ini kerana bidang pekerjaan berkemahiran diperlukan di pelbagai peringkat dan peringkat berlainan memerlukan kemahiran berbeza.